



Randau PKMA

capai matlamat

“Maklumbalas dan cadangan penambahbaikan daripada ahli fakulti sangat dialu-alukan dengan minda terbuka.”



PKMA telah berjaya menganjurkan Majlis Randau PKMA bersama Fakulti dan Hari Bersama Pelanggan 2010 pada 12 Okt 2010, bertempat di Auditorium PKMA. Program selama satu hari itu telah dirasmikan oleh Prof Dr Fatimah binti Abang, Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik Dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan telah menarik minat hampir 100 orang peserta yang terdiri daripada para Dekan, Pengarah, Timbalan Dekan, staf akademik dan pengurusan UNIMAS.

Antara lain objektif program adalah untuk berkenalan secara lebih rapat dan berkolaborasi dengan ahli fakulti, mewar-warkan serta berkongsi maklumat tentang perkembangan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PKMA serta peranan PKMA dalam merealisasikan matlamat universiti dalam mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan ilmu baru. Maklumbalas dan cadangan penambahbaikan daripada ahli fakulti sangat dialu-alukan dengan minda terbuka.

Selain dari ucapan Prof Dr Fatimah binti Abang yang memberi perangsang kepada PKMA untuk meneruskan usaha-usaha perkongsian maklumat dengan ahli fakulti. Pada majlis ini juga buletin mycais@ unimas dilancarkan. Aturcara Randau ini memperkenalkan buletin PKMA isu pertama yang julung kali dikeluarkan pada Jun 2010. Satu persembahan multimedia kreatif mengenai penghasilan mycais@ unimas yang diusahakan oleh staf PKMA, Wan Abdul Rahman Wan Bujang dan Noorazzerin Aladden.

Untuk merencanakan penglibatan pensyarah dalam program ini, PKMA mengambil inisiatif untuk menjemput penceramah dari luar bagi slot perkongsian ilmu.

Seminar pangkalan data atas talian sangat menarik dengan jemputan khas, Dr Lim Khee Hiang dari Thomson Reuters yang memulakan pembentangan mengenai topik berikut :

- *Research Life Cycle : Understanding the Quality of Journals and Important Metrics on Journal Citation Reports.*



- *Journal Selection Process*
- *Better Research by Smart Discovery - Leveraging the Web of Science for Literature Searching*
- *ResearcherID*

Dr Lim juga menyambung sesi khas dengan beberapa penyelidik Universiti untuk membincangkan mengenai trend penyelidikan terkini dengan sokongan pangkalan data yang dilanggan oleh PKMA dan sumber lain. Sesi ini dipengerusikan oleh Prof Dr Mohd Azib Salleh, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi. Shirley Yap dari Access Dunia pula menyambung pembentangan mengenai *Science Online* dan *Springer e-books* yang merupakan maklumat terkini dan relevan dalam pencarian dan penggunaan kepada *Science Online* dan buku elektronik tersebut untuk membantu pensyarah dalam pengajaran dan penyelidikan.

Hari Bersama Pelanggan turut dimuatkan dalam acara Randau PKMA. Sebanyak 4 buah kaunter telah dibuka bagi memudahkan pengguna berurusan dengan pihak PKMA iaitu kaunter *Online User Satisfaction*, *Research Support Services Forum (RSS Forum)*, Kemaskini Rekod Pengguna dan Bayaran Denda. Kaunter-kaunter dibuka dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Program Randau ini berjaya mencapai objektifnya dan akan terus dijadikan acara tahunan bagi PKMA.

Aspek paling penting adalah untuk menekankan sokongan PKMA yang kuat dan padu ke arah kecemerlangan ilmu terutamanya aktiviti pengajaran dan penyelidikan serta penulisan saintifik Universiti. Ini sekaligus dapat membuka minda semua peserta yang hadir.